

l

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

SAW203 – Teori Tingkahlaku Manusia dan Masyarakat

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab hanya **EMPAT (4)** soalan sahaja. Anda perlu menjawab soalan daripada Bahagian A dan B dan pilih mana-mana **DUA (2)** soalan daripada Bahagian C.

BAHAGIAN A

Soalan ini adalah **wajib** dijawab.

1. Pilih **LIMA** konsep yang tersenarai di bawah dan huraikan definisi setiap konsep tersebut.

- a) Fakta sosial
- b) Kesedaran Kolektif
- c) Solidariti
- d) Struktur Sosial
- e) Alienasi
- f) Pembahagian kerja buruh
- g) Kelas Konflik
- h) Verstehen

[25 markah]

BAHAGIAN B

Soalan ini adalah **wajib** dijawab.

2. Setiap ahli Sosiologi dan Antropologi di bawah mempunyai pendekatan yang berbeza mengenai konsep MASYARAKAT dan STRUKTUR SOSIAL. Pilih **DUA** ahli teori di bawah yang anda rasakan mempunyai ciri-ciri perbezaan dan persamaan yang ketara. Bandingkan pendekatan mereka dengan menbincangkan persamaan dan perbezaan konsep-konsep mereka.

- a) Karl Marx
- b) Emile Durkheim
- c) Max Weber
- d) Radcliffe Brown
- e) Georg Simmel

[25 markah]

BAHAGIAN C

Pilih hanya **DUA (2)** soalan daripada bahagian ini.

3. Siapakah ahli Sosiologi yang mengemukakan konsep fakta sosial dan apakah yang dimaksudkan dengan fakta sosial itu. Bincangkan. Jelaskan juga mengapa fakta sosial ini dikatakan bersifat luaran dan mengekang.
[25 markah]
4. Huraikan secara kritikal jenis dan ciri-ciri bunuh diri yang dihujahkan oleh Durkheim. Setakat mana anda merasakan bahawa konsep bunuh diri Durkheim ini boleh diapplikasikan dalam masyarakat pada era globalisasi ini? Bincangkan berserta dengan contoh-contoh relevan.
[25 markah]
5. Apakah yang anda faham mengenai perbezaan antara solidariti mekanikal dan solidariti organik? Dengan menyertakan contoh-contoh yang berkaitan bincangkan perbezaan konsep MASYARAKAT yang dihujahkan oleh Karl Marx dengan konsep solidariti yang dikemukakan oleh Durkheim.
[25 markah]
6. Bincangkan secara kritis empat jenis Tindakan Sosial yang dihujahkan oleh Weber. Bandingkan juga konsep Jenis Tersempurna oleh Weber dengan konsep Bentuk Sosial oleh Simmel.
[25 markah]
7. Ketidaksamaan sosial dan ekonomi dalam masyarakat global sekarang sering menimbulkan konflik dan kadangkala ia boleh membawa negara kepada kancah peperangan. Bincangkan secara kritis bagaimana Karl Marx dan George Simmel menganalisa peranan konflik dalam masyarakat berserta dengan contoh-contoh yang relevan.
[25 markah]